

Putrajaya

Siasat amalan monopoli simen di Sarawak

Kementerian Kewangan mahu satu siasatan dilakukan bagi menentukan sama ada berlakunya amalan monopoli di Sarawak susulan kenaikan harga simen di negeri itu berbanding Semenanjung.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, simen adalah bahan binaan asas dan sebarang kenaikan harga simen yang ketara akan disalurkan semula ke dalam ekonomi sekali gus menjejaskan kuasa beli pengguna.

“Kerajaan mendapati harga simen di Sarawak adalah secara ketara lebih tinggi berbanding di Semenanjung.

“Satu penyiasatan diperlukan bagi menentukan sama ada ia akibat amalan monopoli industri tempatan di Sarawak,” katanya, semalam.

Rabu lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penggiat industri pengilangan simen di negara ini bersetuju untuk mengekalkan harga barang kawalan itu selepas kementeriannya mengadakan pertemuan dengan penggiat industri simen.